

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 7 DISEMBER 2023, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 32

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1523-L10075
Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah bilangan pelajar berbangsa India yang ditawarkan Program Matrikulasi dan Asasi untuk tahun 2023 dan adakah semua pelajar yang diberikan tawaran Program Matrikulasi dan Asasi ini menerima tawaran tersebut.
2. PN-1523-L10540
Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah strategi dan langkah yang diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan pemilikan rumah dalam kalangan belia serta usaha-usaha yang diambil oleh Kementerian untuk meringankan beban kos sewaan yang sesuai dengan keadaan taraf hidup masa kini.
3. PN-1523-L10288
Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan berkenaan konflik Israel dan Palestin.
4. PN-1523-L10624
Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah signifikan pengambilan pengawas peperiksaan daripada kalangan orang awam selain mengurangkan beban tugas guru dan adakah ia melibatkan kos perbelanjaan tertentu yang memberi kesan langsung kepada penambahan belanjawan Kementerian.

5. PN-1523-L10222
Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah usaha terkini yang dilakukan oleh Kementerian bersama-sama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk menyemai dan memupuk semangat cinta akan perpaduan antara kaum bermula daripada peringkat sekolah rendah.
6. PN-1523-L09883
Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sejauh manakah kesediaan Kementerian untuk bekerjasama bersama-sama Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) dalam memastikan prospek pelaburan automotif dari luar negara seperti Tesla turut menyumbang kepada pelaburan bagi latihan dan pendidikan automotif selain daripada peluang pekerjaan semata-mata.
7. PN-1523-L10492
Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah mekanisme yang digunakan Kementerian bagi mengelakkan berlakunya lebih banyak kesalahan pecah amanah dan rasuah yang melibatkan sindiket penyeludupan pendatang asing tanpa izin (PATI) dalam kalangan anggota penguatkuasa.
8. PN-1523-L10471
Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah program-program yang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi memberi kesedaran kewajipan pelaksanaan fardu ain kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) dan sejauh manakah kejayaannya serta adakah wujud halangan dalam melaksanakan program ini.
9. PN-1523-L10153
Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah terdapat keperluan bagi syarikat yang telah mendapatkan Lesen Perkhidmatan Udara (ASL) untuk meletakkan deposit dengan *Malaysian Aviation Commission* (MAVCOM) dan berapakah jumlah deposit tersebut.
10. PN-1523-L10027
Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian bagi memberi sokongan kepada pembangunan sukan elektronik (e-sukan) di peringkat akar umbi / tempatan, daerah dan negeri untuk mencungkil dan memupuk bakat baru dalam bidang ini.

11. PN-1523-L09864
Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan komprehensif yang telah diambil oleh Kementerian dalam menangani masalah kes penipuan dalam talian yang mengandungi unsur-unsur penyeludupan manusia oleh sindiket untuk bekerja secara paksa di luar negara.
12. PN-1523-L10264
Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah nisbah atau peratusan golongan muda yang dalam lingkungan usia 18 hingga 25 tahun yang masih menganggur di negara ini.
13. PN-1523-L10140
Datin Ros Suryati binti Alang minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam membuat sebarang rancangan atau pertimbangan untuk jawatan Pegawai-pegawai Sains dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan yang bukan dalam skim Pegawai Tadbir & Diplomatik untuk memohon mendapat pengiktirafan Pakar Bidang Khusus (*Subject Matter Expert*).
14. PN-1523-L10528
Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah usaha Kementerian termasuk kerjasama yang melibatkan agensi dan Kementerian yang lain dan badan pemikir dalam mewujudkan 'makmal demokrasi' sebagai landasan pendedahan literasi kenegaraan yang lebih jitu terutamanya dalam kalangan belia.
15. PN-1523-L10132
Datuk Noraini binti Idris minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memanjangkan tempoh pengecualian cukai duti setem 75 peratus ke atas pemilikan rumah yang bernilai lebih RM500,000.00 hingga RM1,000,000.00 yang akan tamat tempoh pada 31 Disember 2023 sebagai usaha untuk menggalakkan pembelian rumah pertama dan menangani peningkatan kos harga rumah pada masa kini.
16. PN-1523-L10580
Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian dalam meneliti model terkini projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP) khususnya dalam *transshipment hub* yang mampu melonjakkan nama negara dalam sektor kargo.

17. PN-1523-L10381
Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah perkembangan terkini bagi projek menaik taraf lebuh raya di Jalan Kelupu/Jalan Tanjung Genting ke Jambatan Lanang di Bintangor, Sarikei.
18. PN-1523-L10351
Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah banduan yang menerima pekerjaan dalam Program Peluang Kedua Anda (PEKA) dan adakah ini merupakan langkah alternatif dari Kementerian untuk membasmi lambakan pekerja asing di dalam negara ini.
19. PN-1523-L10512
Dato' Haji Husain bin Awang minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk membentangkan Rang Undang-undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam dan apakah status terkini rang undang-undang tersebut.
20. PN-1523-L10076
Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah Bin Aman minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah peruntukan dan projek pembangunan untuk Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang akan diberikan kepada Wilayah Persekutuan Labuan dan Sabah memandangkan banyak cabaran untuk belia di sana mencari kerja.
21. PN-1523-L09984
Datuk John Ambrose minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah bentuk pemantauan atau kawalan yang dibuat oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) ke atas isu lambakan warga asing yang menjalankan perniagaan di premis atau menjadi penjaja yang dilihat menguasai ekonomi setempat.
22. PN-1523-L10469
Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah langkah-langkah pemerksaan dari Kementerian untuk menangani ketirisan subsidi dan amalan kartel bagi menjamin kebajikan dan kepentingan pengguna.

23. PN-1523-L09986
Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan Majlis Pembangunan Ekonomi Masyarakat Orang Asli dengan penglibatan ketua masyarakat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan koperasi-koperasi.
24. PN-1523-L09913
Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah proses dan anggaran masa untuk kelulusan klinik swasta dalam membangunkan usahawan tempatan dan apakah usaha Kerajaan dalam memastikan bahawa proses kelulusan klinik ini dapat dipercepatkan untuk memastikan tiada isu dalam mendapatkan pembiayaan buat para usahawan.
25. PN-1523-L10223
Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah bentuk program Komuniti MADANI yang disebut dalam Belanjawan 2024 baru-baru ini.
26. PN-1523-L10212
Dato' Juhanis binti Abd Aziz minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah strategi Kementerian dalam menyelaraskan kursus Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) mengikut keperluan bidang pekerjaan di negara kita bagi mengekang isu pengangguran dalam kalangan belia dan beliawanis.
27. PN-1523-L10021
Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah objektif dan sasaran Kementerian dalam program Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK) sejak ia mula dijalankan pada 2013 hingga kini dan apakah perkembangan baharu terhadap program ini.
28. PN-1523-L10347
Dato' Ajis bin Sitin minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :-
- (a) berapakah jumlah belia Orang Asli yang telah dihantar untuk latihan atau kursus jangka pendek ke syarikat swasta di bawah program yang dianjurkan oleh Bahagian Pembangunan Modal Insan dan Kebajikan Orang Asli, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) sehingga kini; dan
 - (b) berapakah jumlah peserta yang telah menamatkan latihan dan kursus dengan jayanya dan berapakah yang telah diserap bekerja dalam bidang yang dilatih itu.

29. PN-1523-L10548
Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan untuk mengeluarkan kenyataan rasmi yang memberi sokongan kepada Palestin dan mengecam tindakan Zionis Israel.
30. PN-1523-L10088
Tuan Seruandi bin Saad minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian bagi memperbanyakkan pembinaan rumah kos rendah di Negeri Perlis terutamanya kepada golongan belia yang bekerja di kampung.
31. PN-1523-L09933
Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah usaha dan perancangan yang dilaksanakan oleh Kementerian melalui jabatan dan agensi untuk memastikan rakyat Malaysia memahami dan menghayati gagasan Malaysia MADANI, memandangkan saluran media sosial sejak akhir-akhir ini sangat berpengaruh dan menjadi medan fitnah serta memberikan gambaran yang salah terhadap segala usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan terutamanya dalam mempromosikan gagasan Malaysia MADANI.
32. PN-1523-L09849
Datuk Razali bin Idris minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan :-
- (a) apakah keberkesanan inisiatif Rahmah yang telah memberi impak sosio-ekonomi dan kesejahteraan rakyat terutama dalam mengatasi isu kos sara hidup sejak diperkenalkan pada 31 Januari 2023 yang lalu; dan
 - (b) berapakah jumlah jualan dan keuntungan bagi peniaga, usahawan, pengusaha pusat gedung beli-belah dan pelbagai syarikat swasta yang menyokong inisiatif Rahmah sehingga sekarang.
33. PN-1523-L10292
Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha pihak Kerajaan dalam menangani masalah disiplin dan keruntuhan akhlak dalam kalangan pelajar.

34. PN-1523-L10559
Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah inisiatif daripada Kementerian bagi menarik golongan anak muda untuk menceburi bidang industri perladangan dan komoditi seperti getah, sawit dan buluh.
35. PN-1523-L09871
Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan setakat tahun ini, berapakah bilangan pelancong dari luar negara yang tiba di pintu masuk Malaysia yang dihalau balik khususnya bagi pelancong warga negara China.
36. PN-1523-L09964
Datuk John Ambrose minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah pelan tindakan Kementerian bagi membangunkan usahawan yang menggunakan kemudahan digital bagi meningkatkan pemasaran produk tempatan yang dihasilkan.
37. PN-1523-L10569
Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pelaksanaan proses semakan menyeluruh terhadap silibus mata pelajaran Sejarah yang diajar di sekolah sejajar dengan usaha untuk memperkukuh kembali nilai jati diri dan ketamadunan bangsa Melayu dalam kalangan pelajar.
38. PN-1523-L10322
Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan atau usaha ke arah mewujudkan semula pilihan raya pihak berkuasa tempatan (PBT).
39. PN-1523-L10422
Puan Noorita binti Sual minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah usaha yang diambil oleh Kerajaan dalam mendepani isu negara menua atau *ageing society*.
40. PN-1523-L10053
Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah bilangan dan peratusan penjawat awam yang digolongkan ke dalam kategori B40 secara keseluruhan dan mengikut Kementerian serta apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membantu penjawat awam yang digolongkan dalam kategori tersebut.

41. PN-1523-L10115
Datuk Noraini binti Idris minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah pelan perdagangan alternatif yang direncana oleh Kementerian untuk mengembalikan semula keyakinan global khususnya Kesatuan Eropah (EU) terhadap kredibiliti minyak sawit keluaran negara rentetan amaran daripada pihak Barat terhadap Perdana Menteri mengenai ketegasan beliau dalam isu Palestin.
42. PN-1523-L10414
Dato' Sivaraj A/L Chandran minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah dari RM100 juta yang diperuntukkan kepada Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) yang telah selesai diagihkan kepada penerima setakat ini.
43. PN-1523-L10234
Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah prestasi pencapaian Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) yang mendapat keputusan cemerlang atau 8A bagi setiap negeri bermula tahun 2018 hingga tahun 2022.
44. PN-1523-L10184
Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah jumlah pekerja warga asing yang dibawa masuk ke Malaysia untuk bekerja tetapi tidak mempunyai pekerjaan memandangkan pada tahun 2021, dianggarkan terdapat lambakan lebih daripada 200,000 orang warga asing yang tidak mempunyai pekerjaan di negara ini.
45. PN-1523-L09900
Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perkembangan cadangan Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang baharu untuk menggantikan Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) 1959 yang tidak memperuntukkan kuasa penguatkuasaan penggunaan bahasa kebangsaan kepada agensi tersebut dan kewibawaan agensi itu untuk memberi penarafan dalam bidang bahasa, sastera dan penerbitan kepada badan yang lain serta menggiatkan pengantarabangsaan bahasa, sastera dan ilmu watan.
46. PN-1523-L10395
Datuk Paul Igai minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan di manakah projek berskala besar untuk padi di Sarawak.

47. PN-1523-L10439

Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah kriteria skor kredit pinjaman yang diperoleh melalui laporan *Credit Tip-Off Service* CTOS dan *Central Credit Reference Information System* (CCRIS) diteliti oleh Kementerian bersama-sama institusi kewangan supaya syarikat-syarikat boleh memperoleh dana baharu untuk memastikan kelangsungan perniagaan memandangkan keadaan ekonomi semasa yang mencabar.

48. PN-1523-L10007

Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menjadikan *eSport* atau sukan elektronik sebagai salah satu mata pelajaran di peringkat sekolah kebangsaan.

49. PN-1523-L09830

Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memudahkan syarat-syarat untuk menikmati Program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) atau Inisiatif Usahawan Tani (INTAN) dan menjelaskan bagaimana penduduk pedalaman Sarawak boleh dilibatkan dalam keadaan ketiadaan geran tanah Hak Adat Bumiputra (NCR).

50. PN-1523-L09925

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah nama-nama syarikat yang terlibat dalam pembekalan 104 ventilator yang gagal berfungsi termasuk syarikat pembuatan ventilator tersebut memandangkan tiada tindakan disiplin dikenakan ke atas staf Kementerian Kesihatan dan Pharmaniaga dan adakah Kerajaan telah menyenaraihitamkan syarikat pembuatan ventilator serta produk-produk mereka yang lain daripada digunakan di pusat kesihatan awam.

51. PN-1523-L10039

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan adakah Garis Panduan Kaedah Penjimatan Tenaga di Pejabat dan Premis Kerajaan yang dikeluarkan oleh Kementerian dipantau pelaksanaannya untuk memastikan keberhasilan polisi ini.

52. PN-1523-L09957

Dato Dr. Nuing Jeluing minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah faktor syarikat penerbangan MyAirline menghentikan perkhidmatan mereka secara mengejut pada baru-baru ini yang menyebabkan berlaku kesulitan kepada orang ramai dan seterusnya mencemarkan reputasi nama baik negara serta apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengelakkan kejadian ini daripada berlaku pada masa hadapan.

53. PN-1523-L10327

Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh Rukun Tetangga di seluruh negara bagi menyampaikan gagasan Malaysia MADANI ke dalam kehidupan masyarakat.

54. PN-1523-L10116

Dato' Sri Ti Lian Ker minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kesediaan Kerajaan untuk meminda Perlembagaan dan undang-undang berkenaan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihan Raya bagi Negeri-negeri Tanah Melayu yang hanya boleh bermula pada tahun 2026 memandangkan isu ketidakseimbangan saiz pengundi (*malapportionment*) semakin serius dengan pertambahan pengundi baharu dan perubahan demografi yang mendadak.

55. PN-1523-L10253

Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah pendekatan Kerajaan dalam pembangunan ekosistem untuk menyokong *silver economy* memandangkan lebih daripada 7 peratus populasi di Malaysia berumur 65 tahun dan ke atas.

56. PN-1523-L10615

Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah aspek pencegahan yang sedang ditumpukan bagi membendung budaya LGBTQ di negara ini terutamanya golongan pengkid yang secara terbuka menjalinkan hubungan intim dengan kaum sejenis memandangkan perilaku tersebut seolah-olah mencabar nilai kesopanan dan kesusilaan yang merupakan Prinsip Rukun Negara yang kelima.

57. PN-1523-L10321

Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah garis masa dan anggaran perbelanjaan Kerajaan untuk membangunkan aset tenaga boleh baharu (TBB) yang diperlukan dalam peralihan kepada tenaga bersih bagi mencapai sasaran karbon bersih sifar menjelang tahun 2050 dan apakah impak yang timbul sepanjang proses tersebut terhadap industri tenaga.

58. PN-1523-L09893

Datuk Haji Aziz bin Ariffin minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan sejauh manakah prestasi platform e-dagang *MyMall* yang dibangunkan bagi memastikan usahawan mendapat peluang perniagaan dengan caj yang rendah serta memastikan pembangunan ekosistem keusahawanan yang inklusif.

59. PN-1523-L10590

Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah kriteria yang membolehkan sesebuah syarikat untuk memohon Geran Sokongan Sektor Kebudayaan (GSSK).

60. PN-1523-L10436

Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan bagaimanakah Kerajaan dapat membantu untuk menaik taraf dan menyelenggara operasi harian Zoo Melaka dan Taman Buaya di Melaka melalui bantuan geran kewangan agar tempat tarikan pelancongan ini terus terpelihara dan memanfaatkan Melaka sebagai destinasi pelancongan bersempena Tahun Melawat Malaysia 2025.

61. PN-1523-L10024

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan bersedia untuk membuka semula permohonan permit import (AP) bekalan ayam untuk mengawal harga ayam di pasaran jika bekalan tempatan tidak mencukupi.

62. PN-1523-L10199

Dato' Juhanis binti Abd Aziz minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan berapakah bilangan usahawan muda yang dihasilkan oleh Kementerian melalui program *Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs* (PROTEGE) 2021 sehingga sekarang dan apakah usaha Kementerian dalam menaik taraf program ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | | |
|----|-----------------|---|--------------------------|
| 1. | (D.R.31/2023) | Rang Undang-Undang Perbekalan 2024- Menyambung semula Perbahasan atas masalah. [Menteri Kewangan] | Bacaan Kali Kedua |
| 2. | (D.R.36/2023) | Rang Undang-Undang Kewangan (No.2) 2023 [Menteri Kewangan] | Bacaan Kali Kedua |
| 3. | (D.R.33/2023) | Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) 2023 [Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup] | Bacaan Kali Kedua |
| 4. | (D.R.42/2023) | Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 [Menteri Kesihatan] | Bacaan Kali Kedua |
| 5. | (D.R.26/2023) | Rang Undang-Undang Makanan (Pindaan) 2023 [Menteri Kesihatan] | Bacaan Kali Kedua |
| 6. | (D.R.40/2023) | Rang Undang-Undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Pindaan) 2023 [Menteri di JPM (Undang-undang dan Reformasi Institusi)] | Bacaan Kali Kedua |
| 7. | (D.R.28/2023) | Rang Undang-Undang Kecekapan dan Konservasi Tenaga 2023 [Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim] | Bacaan Kali Kedua |
| 8. | (D.R.29/2023) | Rang Undang-Undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2023 [Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim] | Bacaan Kali Kedua |

9. **Usul dibuat oleh Menteri Ekonomi dan masalah dicadangkan :-**

“BAHAWA Dewan ini,

memahami akan perlunya satu dasar untuk mereformasi pasaran kerja melalui Kertas Putih Cadangan Dasar Gaji Progresif agar golongan pekerja mendapat gaji yang lebih tinggi seiring dengan peningkatan produktiviti.

mendukung aspirasi Kerajaan untuk menstruktur ekonomi ke arah Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi dengan memperkenalkan dasar gaji yang dijangka berupaya mengurangkan ketidaksamarataan pendapatan, meningkatkan produktiviti pekerja dan daya saing syarikat.

menyokong usaha pelaksanaan Dasar Gaji Progresif yang akan dimulakan dengan projek rintis bagi menentukan keberkesanan dan ketersediaan sebelum pelaksanaan Dasar Gaji Progresif dibuat secara menyeluruh.

menyeru semua pihak berkepentingan untuk bersama-sama memikul tanggungjawab dalam menjayakan usaha ini sejajar dengan pendekatan kolektif dengan semua pihak termasuk Kerajaan, majikan dan pekerja.

BAHAWA Dewan ini meluluskan Kertas Putih Cadangan Dasar Gaji Progresif supaya menjadi hala tuju reformasi pasaran kerja negara seperti yang dinyatakan dalam Kertas Perintah CMD.69 Tahun 2023 iaitu Kertas Putih Cadangan Dasar Gaji Progresif."

[Menteri Ekonomi]